




BIOGRAFI DATO' SERI UTAMA TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS

'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN

**BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS**

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

© Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman atau pun sebaliknya, dengan tidak mendapat keizinan terlebih dahulu daripada penulisnya.

Cetakan pertama 2003
ISBN 983-2366-16-X

@ Dharmala N S

Diterbitkan oleh:

Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan
Taman Seni Budaya
Jalan Sungai Ujong
70200 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
&
Kerajaan Negeri Sembilan

Dicetak oleh:
Percetakan Malindo Sdn Bhd
Lot 3, Jalan Ragum 15/17
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Panel Penerbitan
Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan Darul Khusus

Penasihat

TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

Pengerusi Panel

DATO' DR RAMLI UJANG

Ketua Editor

DHARMALA N S

Anggota Redaksi

DATO' HAJI SUDIN KAMARI

DATO' PROF SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

DATO' PROF ABDUL SAMAD HADI

DATO' SERI MAHARAJA KHALID BONGET

DATO' SENARA MUDA PILUS MAARIS

HAJI MUHAMMAD YASSIN

HAJI IBRAHIM ABDUL RAHMAN

DATO' LAKSAMANA HAJI ISMAIL ABDUL KADIR

DRS SHAMSUDDIN AHMAD

MD DARUS HAJI ABDUL MANAF

Daftar Isi



Bab 1	BERGURU KEPALANG AJAR	1
	- Anak Muda Julung Bertaji	
	- Tamu Di Seri Menanti	
	- Memecah Tradisi Adat	
Bab 2	ORANG TUA MENAHAN RAGAM	16
	- Apabila Mufti Tersinggung	
	- Wakil Ke Kuala Kangsar	
	- Tidur Di Atas Kerusi Sekolah	
Bab 3	GELOMBANG PERUBAHAN	31
	- Memikul Bateri Di Permatang	
	- Di Sebalik Kisah 'Juita'	
	- Kisah Seorang 'Kaki Bola'	
Bab 4	KE GUNUNG SAMA DIDAKI	45
	- Melukut Di Tepi Gantang	
	- Menunggu Kunjungan Tunku	
	- Kisah Dengan Dr Ismail	
	- Bahaman Shamsuddin Ke Teluk Anson	
Bab 5	KERUSI MENTERI BESAR	60
	- Genggam Bara Api	
	- Tunku Besar Ingatkan Khatib Hussein	
	- Menjalin Hubungan Ke Sumatera	

Bab 6	TUGAS SENDIRI DIKELEK	76
	- Misi Sulit Ke Sarawak	
	- Selepas Konfrantasi Sukarno	
	- Mencari Tanah Leluhur	
	- Minangkabau Terkenang Jua	
Bab 7	LURUS TALI LURUS SUMPITAN	92
	- Berbalah Dengan Sardon Jubir	
	- Timbalan Menteri Besar	
	- Pindah Ke Kerusi Parlimen	
Bab 8	MENGHADAPI SENARIO PERUBAHAN	108
	- Calon Ketua Pemuda	
	- Akhbar Suara Rakyat	
	- Timbalan Menteri Dalam Negeri	
Bab 9	JALAN SERIBU LIKU	124
	- Pak Lang Dari Negeri Sembilan	
	- Pertubuhan Nasrul Haq	
	- Anugerah Budayawan Gapena	
Bab10	LINGKUNG RUMPUN MELAYU	140
	- Memorandum Pemuda MCA	
	- Kontroversi Tokoh Belia	
	- Impian Dunia Melayu	
Bab 11	KESINAMBUNGAN PERJUANGAN	156
	- Telegram Seluruh Negara	
	- Selepas Tidak Jadi Menteri	
	- Kembali Menjadi Penulis	
Bab 12	GEMUK BERPUPUK SEGAR BERSIRAM	172
	- Bertemu Shamsiah Fakeh	
	- Langkah Sama Menapak	
	- Gerila Melayu Di Negeri Sembilan	

Bab 13	DI BUMI MERDEKA	188
	- Pengerusi Bank Pembangunan	
	- Pengerusi Kraftangan Malaysia	
	- Sensitif Seorang Penulis	
	- Pengerusi Finas	
Bab 14	ASAM GARAM PERJUANGAN	204
	- Mencari Ganti Menteri Besar	
	- Senario Pilihanraya 1982	
	- Titah Ucapan Tuanku	
Bab 15	NAN SEBARIS TIDAK LUPA	222
	- Antara Jejak Ditinggalkan	
	- Dilipat Sebesar Kuku	
	- Senario Alaf Baru	

Gelombang Perubahan



"HAI, dunia dah berubah, apa nak buat!" keluhan yang terluah dari mulut seorang kerabat diraja Tunku Besar Burhanuddin bin Tuanku Antah ketika melangkah masuk ke bangunan Dewan Perhimpunan Perundangan Negeri Sembilan selepas pilihanraya umum 1955. Kerabat diraja berkenaan tidak menyedari Tan Sri A Samad melangkah sama di belakangnya bagi menghadiri upacara mengangkat sumpah sebagai anggota Dewan seramai 12 orang yang dipilih melalui pilihanraya, sementara 12 orang lagi dilantik oleh kerajaan Inggeris.

Kerabat diraja berkenaan merupakan salah seorang anggota Dewan yang dilantik oleh pemerintah Inggeris. Tan Sri A Samad pula adalah di antara 12 orang calon Parti Perikatan dari Umno yang memenangi pilihanraya tersebut, malah beliau menang tanpa bertanding bagi kawasan Johol. Sekali pun berlaku kekecohan di kalangan komponen Parti Perikatan dalam pemilihan calon, tetapi mereka menerima kompromi dengan membenarkan calon MCA bertanding bagi kerusi Pilah, yang sebelumnya menerima bantahan daripada ahli-ahli Umno.

Rekod kemenangan Parti Perikatan di Negeri Sembilan mencerminkan sokongan besar rakyat, apabila 7 calon Umno di samping masing-masing satu calon MCA dan MIC menang tidak bertanding pada hari penamaan calon. Sementara 3 lagi calon yang bertanding menang pada hari pengundian, menjadikan semua 12 kawasan Dewan Perhimpunan Perundangan Negeri Sembilan dikuasai oleh Parti Perikatan. Tidak hairanlah kerabat diraja yang dilantik menjadi anggota Dewan itu mengeluh panjang hingga meluahkan kata-kata yang menusuk hati itu.

Gelombang perubahan bermula selepas pilihanraya 1955, apabila kuasa rakyat semakin ketara menuntut kemerdekaan. Sistem feodal yang sekian lama diperalatkan oleh penjajah Inggeris bagi membelenggu rakyat tidak lagi dapat dipertahankan. Sebelum melangkah masuk ke bangunan Dewan, Tan Sri A Samad meletakkan

kereta di tempat letak kereta tidak jauh dari kereta kerabat diraja berkenaan. Beliau mengekori dari belakang kerana menghormati kerabat diraja berkenaan sebagai 'orang tua' dengan tidak disedarinya.

"Dunia dah berubah, kita semua kenalah ikut perubahan," tutur kerabat diraja tersebut sebaik sahaja menyedari Tan Sri A Samad mengekori dari belakang. "Betul cakap Engku tu, patik bersetuju dengan pandangan Engku," sahut Tan Sri A Samad terus melangkah masuk mengambil tempatnya di Dewan. Bagaimanapun Tan Sri A Samad dapat membaca dari raut wajah kerabat diraja tersebut mengenai perubahan dalam sistem pemerintahan apabila Inggeris kehilangan pengaruh.

Sekiranya 12 kerusi yang dipertandingkan itu dimenangi oleh pelbagai parti politik, maknanya kekuatan Inggeris tidak terjejas kerana pihak pemerintah berkuasa melantik 12 orang lagi anggota Dewan (sebagai anggota yang dilantik). Tetapi apabila semua 12 kerusi itu dimenangi oleh satu parti sahaja, kekuatan Inggeris hanya bergantung kepada 12 orang yang dilantik itu sahaja. Dalam catatannya mengenai pilihanraya 1955 menerusi buku 'Negeri Sembilan dan Sejarahnya' (Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1968), Tan Sri A Samad menulis:

"...Akhirnya kerajaan Inggeris terpaksa mengalah, setelah terpaksa mengakui tuntutan rakyat yang semakin tegang dan menyeluruh serata ceruk rantau dan pelusuk-pelusuk kampung, maka pada 27 Julai 1955 satu pilihanraya bagi memilih sebahagian sahaja (minoriti) dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Mesyuarat Negeri telah diadakan.

"Tiga kawasan untuk Majlis Mesyuarat Federal telah ditetapkan bagi Negeri Sembilan dan 12 orang bagi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri.

"Perimbangan kekuatan parti-parti politik pada masa ini ialah di antara Parti Perikatan dengan Parti Negara sahaja, parti-parti lain meskipun telah tertubuh seumpama Pas, Parti Buruh, Parti Rakyat tetapi masih belum berani ke muka untuk bertanding.

"Tiap-tiap calon Perikatan untuk Majlis Mesyuarat Federal ditentang oleh calon-calon Parti Negara.

"Kawasan Seremban - Perikatan: Lim Kee Siong, Parti Negara: B H Tan. Kawasan Kuala Pilah-Jelebu - Perikatan: Idris Matsil, Parti Negara: Dato' Ujang Menuang. Kawasan Port Dickson-Rembau-Tampin - Perikatan: A Jalil Aminuddin, Parti Negara: Baba Ludek.

"Kawasan-kawasan pilihanraya negeri pula seramai 12 calon Perikatan yang bertanding, tetapi cuma tiga kawasan sahaja yang ditentang oleh calon-calon lawan.

"Kawasan tersebut ialah Lenggeng - Perikatan: Alias bin Rasul, Bebas: Ismail Tamin. Rembau - Perikatan: A Hamid Mahmud, Parti Negara: A Hamid Ebok. Seremban - Perikatan: Chin See Yin, Parti Buruh: Robert Singam.

"Sebanyak sembilan kawasan lagi telah menang tanpa bertanding. Mereka itu ialah:

<i>"Rantau</i>	<i>: Dato' Raja Mohd Hanifa bin Haji Abdul Ghani</i>
<i>Labu</i>	<i>: Ahmad bin Haji Omar</i>
<i>Linggi</i>	<i>: Dr Mohd Said bin Muhammad</i>
<i>Pilah</i>	<i>: Lee Tee Siong</i>
<i>Johol</i>	<i>: A Samad bin Idris</i>
<i>Jempol</i>	<i>: Ariffin bin Ali</i>
<i>Tampin</i>	<i>: A Wahab bin Idus</i>
<i>Port Dickson</i>	<i>: Kehar Singh</i>
<i>Jelebu</i>	<i>: Ibrahim bin Haji Mansur</i>

"Dr Mohd Said telah meletakkan jawatan pada tempatnya digantikan oleh Haji Awaluddin bin Ahmad..."

Bagaimana pun sistem pemerintahan di Negeri Sembilan sama seperti negeri-negeri Melayu yang lain, kuasa pentadbiran tetap dipegang oleh penajajah Inggeris. Jawatan Menteri Besar tidak dipegang oleh parti yang memenangi majoriti, tetapi dilantik daripada pegawai tadbir Melayu iaitu Dato' Shamsuddin bin Nain, sekali pun diperingkat Federal Tunku Abdul Rahman pemimpin Parti Perikatan dilantik menjadi Ketua Menteri dalam kabinet yang dibentuknya.

Exco kerajaan Negeri Sembilan masih dipegang oleh Yang Dipertuan Besar (selaku pengerusi), Undang Yang Empat, Tunku Besar Tampin, Menteri Besar, Penasihat British (BA), Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang dan Pegawai Kewangan. Selain daripada Exco yang dilantik oleh kerajaan Inggeris, 3 wakil Umno dan seorang wakil MCA menjadi ahli Exco. Bagaimana seorang wakil Umno iaitu Dato' Syahbandar Abu Bakar Osman dan A Jalil Aminuddin (memenangi kerusi Federal) merupakan anggota yang dilantik. Hanya Dato' Raja Mohd Hanifa sahaja yang menjadi wakil Rantau, dan Lee Tee Siong adalah wakil MCA dari kawasan Pilah.

Sehingga pilihanraya 1959, semua anggota Majlis Mesyuarat Negeri adalah dikekalkan kecuali BA setelah Inggeris tidak lagi

mencampuri pemerintahan selepas negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Perubahan berlaku juga dalam barisan Exco dalam tahun 1956 apabila Tan Sri A Samad menggantikan A Jalil Aminuddin dan A Hamid Mahmud mengambil alih tempat Dato' Syahbandar Abu Bakar, disebabkan dua anggota Exco itu merupakan wakil yang dilantik.

Memikul Bateri Di Permatang

Setelah memenangi pilihanraya tanpa bertanding bagi kerusi Majlis Mesyuarat Perundangan Negeri Sembilan kawasan Johol, bukan bermakna kempen tidak dijalankan. Johol yang termasuk dalam kawasan Majlis Mesyuarat Perundangan Federal, Negeri Sembilan Utara (Kuala Pilah-Jelebu-Jempol) membabitkan calon Umno, Mohd Idris Matsil yang ditentang oleh calon Parti Negara Dato' Ujang bin Menuang.

Kempen pilihanraya ketika itu dijalankan lebih sebulan, dengan mengadakan rapat umum secara terbuka di samping kempen rumah ke rumah. Kebanyakan kawasan kampung masih lagi jalan tanah merah yang becak di musim hujan dan berdebu ketika kemarau. Malah melalui permatang sawah bagi menyeberang dari jalan tanah merah bagi memasuki kawasan kampung terpencil. Kereta hanya boleh sampai di persimpangan jalan tanah merah sahaja, justeru terpaksa berjalan kaki meranduk permatang sawah hingga lebih satu batu sebelum dapat mengadakan rapat umum.

Disebabkan tidak ada kemudahan infratraktor, Tan Sri A Samad terpaksa melakukan sendiri kerja-kerja mengangkut peralatan berkempen seperti bateri, pembesar suara dan imply-fired bagi membantu calon Parti Perikatan (Umno), Mohd Idris Matsil yang juga Ketua Umno bahagian Kuala Pilah. Beliau bersama pekerja-pekerja parti bukan sahaja menampal poster atau merentang sepanduk, malah ikut sama memikul bateri, pembesar suara atau imply-fired menyeberang di atas permatang sawah.

"Kalau berlumpur terpaksa sahlah sinsing kaki seluar, kerana pada masa itu belum ada lagi kemudahan infra-struktur yang baik," beritahu Tan Sri A Samad ketika mengimbau kembali kenangan perjuangannya di peringkat awal. Beliau juga masih gagah mengayuh basikal berbatu-batu ketika itu, bukan sahaja disebabkan tenaga masih muda (berusia kira-kira 32 tahun), tetapi semangat mahu menuntut kemerdekaan sedang berkobar-kobar dalam jiwa sanubarinya.

Menyentuh keupayaan menunggang basikal berbatu-batu ini Tan Sri A Samad pernah memberitahu mengenai kisah lucunya berbasikal dari Seri Menanti ke Batu Kikir dalam masa darurat awal dekad 1950-an (kira-kira dalam jarak lebih 20 batu) semata-mata bagi

mencari susu 'Lactogen' untuk anaknya yang masih kecil (Mohd Fadzil). Menurutny, bekalan susu berkenaan kehabisan di kedai di Seri Menanti, menyebabkan beliau terus mengayuh basikal ke pekan Kuala Pilah.

Malangnya bekalan susu tersebut juga kehabisan di pekan Kuala Pilah, tetapi mendapat tahu dari rakan-rakannya bekalan susu 'Lactogen' dijual di sebuah kedai sahaja di pekan Batu Kikir. Tan Sri A Samad terus mengayuh basikal ke pekan Batu Kikir di Jempol kira-kira hampir 15 batu jaraknya dari pekan Kuala Pilah. Beliau terpaksa mencari susu jenama tersebut, kerana anak kecilnya tidak sesuai dengan susu jenama yang lain. Justeru tenaga lasak Tan Sri A Samad dengan fizikalnya yang kecil ketika itu adalah aset paling berguna kepadanya apabila menjalankan kempen sepanjang pilihanraya 1955.

Kegigihan Tan Sri A Samad dalam perjuangan Umno sehingga berjaya memenangi pilihanraya pertama tahun 1955 itu dapat dianalisis melalui tulisan di dalam memoirnya mengenai pahit getir dalam kempen yang dijalankan. Beliau menulis:

"...Walau pun kesedaran sudah berputih sejak generasi saya berjuang bermati-matian menuntut kemerdekaan dulu untuk melepaskan diri daripada cengkaman penjajah, tetapi perlulah ianya dipupuk dan dibaja pula oleh generasi sekarang supaya terus subur laksana pohon perdunya dijaga pelihara, buahnya dinikmati bersama.

"Generasi ketika itu bukan sahaja tidak sedar dengan halusnyanya jarum penjajah untuk menakluki negara dan memonopoli ekonomi, malah mereka memuji-muji betapa adilnya penjajah, bertimbang rasa dan memberikan bantuan tidak terperi nilainya kepada mereka bagi membangunkan negara. Tetapi jangan lupa dengan polisi penjajah itulah identiti negara kita hampir tenggelam.

"Apabila negeri ini dibuka luas, mereka membawa masuk buruh-buruh asing bagi mengusahakan sektor perladangan dan pelombongan. Buruh-buruh juga dibawa bagi membina jalan-jalan raya bagi kemudahan penjajah memunggal segala hasil mahsul negeri dibawa balik untuk kekayaan negara mereka.

"Buruh-buruh asing yang dibawa masuk ini akhirnya menjadi 'penduduk tetap' yang bersaing pula dengan anak negeri dalam perebutan ekonomi baru. Dalam keadaan negara kita sudah mencapai kemerdekaan sekarang bentuk penguasaan ekonomi yang dulunya mempunyai taktik berlawanan dengan apa yang berlaku sekarang..."

Tulisan Tan Sri A Samad memang dianggap ekstrim oleh pihak lawan, tetapi sejak peringkat awal perjuangannya beliau tetap konsisten dengan pendiriannya terutama dalam isu kerakyatan, bahasa, ekonomi dan pendidikan. Sejak awal dekad 1950-an juga Tan Sri A Samad tidak sekadar terbabit dalam parti politik, malah ikut sama aktif dalam Dewan Perniagaan Melayu, Angkatan Sasterawan Negeri Sembilan (ASAS Negeri) dan badan-badan belia.

Dalam isu kerakyatan Tan Sri A Samad ikut bersama rakan-rakannya dari Negeri Sembilan yang diketuai oleh Dato' Raja Mohd Hanifah bertindak keluar dari Mesyarat Perwakilan Umno di Kuala Lumpur dalam tahun 1957. Tindakan Umno Negeri Sembilan ini memang memeranjatkan pucuk pimpinan parti, dalam usaha sedang dibuat bagi memupuk jalinan yang lebih erat dengan komponen Parti Perikatan iaitu MCA dan MIC.

Sebelum itu melalui tulisannya di akhbar-akhbar sekitar awal dekad 1950-an, Tan Sri A Samad sudah menyuarakan rasa tidak senangnya dengan isu kerakyatan apa lagi yang berkaitan dengan 'Jus Soli'. Ketika itu pelajar-pelajar di Universiti Malaya, Singapura juga menghantar memorandum dalam tahun 1950 memprotes pelaksanaan 'Jus Soli' yang memberi hak kepada sesiapa sahaja imigran yang dilahirkan di sesebuah negara itu secara automatik mendapat kerakyatan.

Seramai 37 penuntut di Universiti Malaya menghantar memorandum bertarikh 16 Mei 1950 membantah taraf kerakyatan 'Jus Soli' di Persekutuan Tanah Melayu kepada Umno itu terdiri daripada: Abdul Khalid bin Jabil, Abdul Rahman Yatim, Mohd Radzi, Md Hashim bin Sam Abdul Latiff, Ali bin Abdullah, Abdullah bin Ayub, Yusof bin Zainal, Aminuddin bin Baki, Nasaruddin bin Mohammad, Azizul Rahman, Saat bin Marzuki, Abdul Shukor, Mohd Rasli bin Nawi, Kamaruddin bin Ariff, Abdul Ghani.

Hamzah bin Sendut, Abdul Rahman bin Jalal, Abdullah bin Majid, Mahathir bin Mohamed (kemudiannya Perdana Menteri), Hussain bin Abdul Ghani, Mohd Noor bin Marahakam, Mohammed bin Abdul Rahman, Raja Abdullah, Shamsuddin bin Abdul Rahman, Mohd Mustafa bin Haji Zain, Ariffin bin Marzuki, Mahfudz bin Mohd Ali, Abdul Majid bin Ismail, Abu Bakar bin Ibrahim, Ahmad bin Yassin, Ahmad bin Haji Othman, Siti Hasmah binti Mohd Ali, Zaharah binti Mokhtar, Zakaria bin Salim, Hassan bin Othman dan Raja Ahmad Noordin

Kalau para pelajar universiti menentang kerakyatan 'Jus Soli' dari luar organisasi politik Umno, Tan Sri A Samad pula membantah melalui proses dalaman Umno. Beliau mengambil sikap 'undur setapak,

mengelolakan bahagian editorial, menjadikan 'Juita' di antara majalah yang bersaing dengan laian-lain penerbitan di Singapura.

Di samping menerbitkan majalah bulanan 'Juita', syarikat Malay Press Kuala Pilah giat juga menerbitkan novel-novel Melayu dalam tulisan jawi. Tan Sri A Samad memainkan peranan sebagai 'pembaca pertama' sebelum novel-novel berkenaan diterbitkan disebabkan beliau membantu bahagian editorial. Bagaimana pun tidak semena-mena Haji Abdul Ghani mengambil keputusan tidak memerlukan lagi khidmat Tan Sri A Samad membantu bahagian editorial, malah ketika minum di restoran di bawah bangunan berkenaan pun Haji Ghani seolah-olah sengaja melarikan diri.

Disebabkan Haji Abdul Ghani tidak memerlukan lagi khidmatnya, Tan Sri A Samad tidaklah sibuk membantu kerja-kerja editorial di pejabat Malay Press Kuala Pilah. Masa yang banyak terluang itu digunakan mengurus pentadbiran Malay Transport Kuala Pilah, di samping aktif sebagai pemberita Utusan Melayu bagi daerah Kuala Pilah. Beliau juga membabitkan diri dalam gerakan persuratan dengan menubuhkan Angkatan Sasterawan Negeri Sembilan (Asas Negeri) bersama rakan-rakannya seperti Muhd Shariff Fakeh, Abu Bakar Yunus, Mustapha Kamal Yassin (Kala Dewata) dan Hashim Amir Hamzah.

Melalui Asas Negeri, beliau bersama rakan-rakannya menganjurkan pertemuan besar para budayawan iaitu Kongres Kebudayaan Nasional Ke 2 di Seremban dalam tahun 1950-an. Sebelum itu Kongres Kebudayaan Nasional Pertama diadakan di Johor Bahru dengan melengkapkan satu anugerah kepada cendekiawan Zaaba yang membawa gelaran 'Pendeta' kepada tokoh berkenaan. Keterlibatan Tan Sri A Samad dalam gerakan kebudayaan ini menjadikan beliau di antara aktivis budaya yang menonjol sekitar 1950-an kerana berjaya menganjurkan satu pertemuan kebudayaan terbesar.

Menyentuh mengenai pembabitannya dalam bidang persuratan, Tan Sri A Samad menulis memoirnya dengan menyebut: "*Disebabkan tidak mampu merebut kemerdekaan melalui ketenteraan, bangsa Melayu juga melancarkan perjuangan melalui mata pena. Syed Syekh Ahmad al-Hadi bersama rakan-rakannya dalam 'Kaum Muda' menerbitkan majalah 'al-Imam' tahun 1906 setelah menamatkan pengajian di Timur Tengah.*

"Suntikan semangat perjuangan semasa menuntut di Timur Tengah banyak mempengaruhi pejuang-pejuang muda ini bagi menimbulkan kesedaran kepada bangsa Melayu. Selepas ini banyak akhbar dan majalah diterbitkan seperti 'Neraca', 'Warta Malaya',



Kereta Morris Minor yang digunakan Tan Sri A. Samad membawa kawan-kawan ke Mesyuarat Perwakilan UMNO (Perhimpunan Agung UMNO).



Bergaya segak dengan pakaian seragam pasukan palang merah, Negeri Sembilan.

melangkah mara dua tapak' dalam isu tersebut mengikut tata cara orang tua-tua: Menarik rambut dalam tepung, rambutnya jangan putus, tepungnya jangan berselerak. Bagaimana pun beberapa orang rakannya termasuk Dato' Raja Mohd Hanifa bertindak keluar dari Umno selepas bantahan mereka tidak disenangi oleh pucuk pimpinan tertinggi parti.

Tan Sri A Samad tidak terburu-buru keluar dari Umno, sebaliknya menerima nasihat pemimpin-pemimpin di Negeri Sembilan supaya bertenang selepas bantahan mereka ditolak. Isu kerakyatan memang perkara sensitif untuk dibincangkan, selepas kemenangan Parti Perikatan dalam pilihanraya 1955 adalah dengan kerjasama parti komponen di dalam MCA dan MIC. Dalam hubungan ini Umno tidak boleh mengeneipkan rakan mereka dari MCA dan MIC apabila berbangkit isu kerakyatan menjelang kemerdekaan 1957 itu.

"Hai, dunia dah berubah, apa nak buat!" kata-kata yang terluah dari jiwa kerabat diraja itu terus terngiang-ngiang pada pendengaran Tan Sri A Samad. Kerabat diraja itu menyedari perlintakannya sebagai anggota Majlis Mesyuarat Negeri Sembilan bukan kerana perjuangan mendaulatkan bangsanya, tetapi sekadar mendapat ihsan daripada penjajah Inggeris yang berkuasa. Malah pada tahun 1956, Tan Sri A Samad hanya seorang 'anak kampung' di lingkungan kawasan pekan diraja Seri Menanti, dipilih menjadi Exco yang duduk semeja bersama Yang Dipertua Besar dan Undang Yang Empat dalam setiap mesyuarat membincangkan hala tuju pemerintahan negeri.

Di Sebalik Kisah 'Juita'

Liku perjuangan Tan Sri A Samad berkait rapat dengan mata pena juga, berikutan pembabitannya yang serius dalam bidang penulisan. Ketika membantu rakannya Haji Abdul Ghani menerbitkan majalah 'JUITA', beliau pernah menulis novelet berjudul 'Perajurit'. Novel kecil tersebut mengisahkan pembabitannya dalam pasukan Askar Melayu telah diterbit dan dicetak oleh 'Malay Press Kuala Pilah' syarikat milik Haji Abdul Ghani. Kisah di sebalik penerbitan majalah 'Juita' sekitar awal dekad 1950-an juga di antara kenangan getir yang tidak dapat dilupakan oleh beliau.

Menurut Tan Sri A Samad, beliau berkawan rapat dengan Haji Abdul Ghani kerana pejabat mereka di bangunan yang sama. Pejabat Tan Sri A Samad 'Malay Transport Kuala Pilah' berada di tingkat atas bangunan, manakala pejabat 'Malay Press Kuala Pilah' milik Haji Abdul Ghani pula ditingkat bawah. Hubungan yang rapat inilah mendorong Tan Sri A Samad membantu penerbitan majalah tersebut

'al-Ikhwān', 'Saudara' dan beberapa lagi dalam usaha melawan penjajah secara perang saraf.

"Dato' Onn Jaafar merupakan pengarang dan penerbit akhbar 'Neraca' juga menjadikan mata pena sebagai saluran meneruskan perjuangan. Demikian juga golongan penulis-penulis yang lain seperti Ibrahim Haji Yaakob, Harun Aminul-Rasyid, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam dan rakan-rakan mereka menggunakan mata pena dalam perjuangan kemerdekaan itu.

"Justeru saya terbabit juga dalam bidang penulisan ini akhir dekad 1940-an sebagai kesinambungan perjuangan kemerdekaan bangsa Melayu. Saya menggunakan nama samaran 'Mat Belantan' bagi akhbar 'Majlis', kemudiannya akhbar 'Utusan Melayu' selepas akhbar 'Majlis' ditutup, dengan membuat kritikan keras terhadap penjajah sesuai dengan nama 'belantan' yang membawa maksud di Negeri Sembilan sebagai kayu (sebesarlengan) sepanjang satu hasta untuk dilontarkan supaya buah di atas pokok boleh gugur ke tanah..."

Selepas meninggalkan bahagian editorial di Malay Press Kuala Pilah, beliau mendapat tahu tempatnya diambil alih oleh seorang rakan Haji Abdul Ghani yang dikenali sebagai 'Lebai Majid'. Pada peringkat awalnya Lebai Majid bersetuju membantu dalam mengendalikan bahagian editorial majalah 'Juita', tetapi lama kelamaan rakannya itu jarang berkunjung ke pejabat. Akibat pengendalian yang tidak tersusun jualan majalah 'Juita' bertambah jatuh menyebabkan akhirnya terpaksa ditutup setelah menghadapi kerugian.

"Satu hari ketika minum di restoran di bawah bangunan pejabat Malay Transport Kuala Pilah, Haji Abdul Ghani kebetulan minum semeja dengan saya," beritahu Tan Sri A Samad mengimbau kembali kisah yang berlaku di sebalik penutupan penerbitan majalah 'Juita'. Dalam keadaan serba salah Haji Abdul Ghani memberitahu, beliau terpaksa mengeneipkan Tan Sri A Samad selepas Lebai Majid memberitahu mengenai perisikan Special Branch. Menurut apa yang diberitahu oleh Lebai Majid, di antara beberapa orang yang akan ditangkap oleh Special Branch ialah Tan Sri A Samad.

Bagi mengelakkan pejabat Malay Press Kuala Pilah daripada digeledah oleh pihak polis, Haji Abdul Ghani dinasihatkan supaya menjauhkan diri daripada Tan Sri A Samad. Justeru Lebai Majid menawarkan diri membantu Malay Press Kuala Pilah mengendalikan bahagian editorial apabila Tan Sri A Samad disingkirkan. Penjelasan Haji Abdul Ghani ini secara tidak langsung dapat membayangkan apa sebenarnya berlaku di sebalik penutupan majalah 'Juita' ketika berada dipuncak kejayaannya.

Bagaimanapun selepas penutupan majalah 'Juita', Tan Sri A Samad tidak berminat untuk menghidupkan semula setelah pembabitannya dalam 'Utusan Melayu' semakin mencabar. Ketika itu beliau sudah dilantik menjadi wakil Utusan Melayu bagi seluruh Negeri Sembilan, di samping aktif sebagai Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan. Malah yang lebih istimewa kepada beliau, ialah setiap kali diadakan Perhimpunan Agung Pemuda Umno, Tan Sri A Samad akan dilantik menjadi Pengerusi Tetap Persidangan.

"Ketika itu Perhimpunan Agung diadakan setahun sekali, di mana Pengerusi Tetap dipilih semasa persidangan berlangsung," menurut Tan Sri A Samad. Beliau dipilih menjadi Pengerusi Tetap pada setiap kali persidangan berlangsung, disebabkan memahami psikologi pemuda yang mahukan mesyuarat berjalan secara pantas. Mereka yang datang sekali sekala ke Kuala Lumpur ketika itu, mahu melihat suasana di bandar di samping menghadiri mesyuarat.

Sekiranya mesyuarat berjalan pantas, mereka boleh keluar meninggalkan persidangan lebih awal. Pengerusi Tetap yang mampu mengendalikan mesyuarat persidangan dengan pantas memang Tan Sri A Samad. Sebab itulah setiap kali Perhimpunan Agung Pemuda diadakan, perwakilan akan memilih Tan Sri A Samad sebagai 'Pengerusi Tetap' yang dianggap sebagai 'gentleman' dengan kemahuan Pemuda. Beliau juga merupakan di antara Pengerusi Tetap Pemuda Umno yang paling lama memegang jawatan tersebut, semenjak kepimpinan Pemuda Umno dipegang oleh (Tun) Sardon Jubir.

Kisah Seorang 'Kaki Bola'

Minat Tan Sri A Samad dalam bidang persuratan berkembang selepas membabitkan diri dalam politik, kerana melalui akhbar dan majalah sahaja beliau dapat membuat kritikan terhadap penjajah. Tetapi minatnya dalam sukan bola sepak sudah berputik sejak usianya masih kanak-kanak lagi, bermula dengan menyepak buah limau abung di halaman rumah uwaninya (neneknya) bersama kawan-kawan sebaya. Ketika bermain menyepak buah limau abung inilah uwan Tan Sri A Samad sering bercerita mengenai perang Bukit Putus yang membabitkan moyangnya Pendekar Sampan.

Bagaimanapun Tan Sri A Samad tidak berminat dengan kisah perjuangan arwah moyangnya menjadi guru silat sekitar tahun 1876 bagi melatih pemuda-pemuda kampung memperkukuhkan pertahanan melawan Inggeris. Moyangnya Pendekar Sampan terkorban dalam perang di Bukit Putus, sementara pokok nyiur kapal di hujung halaman rumah moyang beliau terbakar disambar api. Ketika bermain menyepak

limau abung bersama kawan-kawannya ini, beliau masih dapat melihat keadaan pokok nyiur kapal itu sebelah bahagian tidak berkulit akibat hangus terbakar.

“Ingat ni Samah, pokok nyiurnya tak berkulit lagi sebelah adalah bukti Inggeris masuk mencero boh ke sini, arwah moyang kamu mati dalam perang Bukit Putus tu,” beritahu uwan Tan Sri A Samad menyuruhnya jauhkan diri daripada bermain hampir dengan pokok nyiur berkenaan. Uwannya bimbang pokok nyiur yang sudah hangus sebelah batangnya itu akan tumbang menimpa mereka yang asyik bermain di situ. Pokok nyiur yang terbakar dalam tahun 1876 itu, masih dapat dilihat oleh Tan Sri A Samad sekitar tahun 1930 iaitu dalam tempoh lebih 50 tahun.

Tetapi Tan Sri A Samad tidak menghiraukan sangat dengan apa yang dituturkan oleh uwannya ketika itu, sebaliknya lebih berminat menyepak buah limau abung dijadikan bola. Setelah dewasa sedikit, beliau mula bermain bola di padang hadapan istana Seri Menanti bersama Tuanku Munawir, Tuanku Jaafar dan Tunku Abdullah (putera-putera Tuanku Abdul Rahman, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan). Bertuah mereka anak-anak desa dapat bergaul dengan putera-putera Yang Dipertuan Besar, kerana perbelanjaan membeli bola dan jersey adalah dibiayai sepenuhnya oleh kerabat diraja.

Biasanya Tan Sri A Samadlah yang membuka mulut memujuk putera-putera kerabat diraja itu membiyai pembelian bola dan jersey mereka, disebabkan hubungan baiknya dengan putera-putera kerabat diraja. Kawan-kawannya yang sebaya menganggap Tan Sri A Samad sebagai ketua pasukan bola mereka, kerana boleh mempengaruhi putera-putera kerabat diraja ini bermurah hati membiyai perbelanjaan. Apa lagi Tuanku Munawir (kemudiannya menaiki takhta dalam tahun 1960 menjadi Yang Dipertuan Besar) adalah putera kerabat diraja yang paling pemurah.

Minat Tan Sri A Samad dalam sukan bola terbawa-bawa sehingga beliau berkedudukan sebagai pemimpin di peringkat negeri selepas kemerdekaan. Kisah lucu yang pernah dilalui beliau kerana minatnya dalam sukan bola sepak ini berlaku ketika pertandingan ‘Piala Malaya’ (sekarang Piala Malaysia) dan ‘Piala Merdeka’. Beliau merupakan peminat kepada ‘raja bola’ Ghani Minhat striker terbilang sekitar penghujung dekad 1950-an dan awal dekad 1960-an. Malah Tan Sri A Samad akan bangun menunjukkan gaya Ghani Minhat memusingkan badan sebelum membuat jaringan apabila memperkatakan pemain legenda tersebut.

Semasa berlangsung perlawanan ‘Piala Malaysia’ di antara Selangor dengan Negeri Sembilan penghujung dekad 1950-an itu, Tan

Sri A Samad bertolak ke Kuala Lumpur pada jam 12.00 tengahari sekali pun pertandingan akan berlangsung jam 4.00 petang. Ketika itu perlawanan 'Piala Malaysia' diadakan di Stadium TPCA (sekarang Stadium Jalan Raja Muda) berhampiran Hospital Besar Kuala Lumpur. Disebabkan tiket perlawanan tidak mempunyai nombor, Tan Sri A Samad sanggup masuk ke dalam stadium jam 12.00 tengah hari, kemudian menunggu di situ sehingga perlawanan bermula jam 4.00 petang.

"Kalau dikenang apa yang dibuat pada masa itu memanglah sia-sia, tetapi kerana minat tidak hiraukan sangat panas terik di dalam stadium selama beberapa jam," beritahu Tan Sri A Samad apabila mengimbau kembali kisah lucunya berjemur di bawah terik matahari di dalam stadium semata-mata mahu menyaksikan Ghani Minhat beraksi. Ketika itu Ghani Minhat mewakili pasukan Selangor, sekali pun beliau merupakan anak kelahiran Negeri Sembilan. Tan Sri A Samad membawa masuk bekalan makanan ke dalam stadium, bagi mengelakkan tidak mendapat tempat duduk di posisi yang paling dekat bagi menyaksikan Ghani Minhat beraksi.

Beliau bersama rakan-rakannya 'kaki bola' mengakui tidak berasa bosan menunggu di dalam stadium di bawah terik cahaya matahari, semata-mata kerana minat terhadap sukan bola sepak. "Berbeza dengan masa sekarang, sudah banyak kemudahan disediakan, malah stadium juga beratap, di samping boleh bermain di bawah kilauan lampu yang terang benderang," jelas Tan Sr A Samad mengenai kemudahan kelengkapan sukan yang dapat dinikmati oleh generasi sekarang.

Dalam masa negara baru mencapai kemerdekaan stadium bola sepak yang menjadi tumpuan bagi perlawanan-perlawanan penting di Kuala Lumpur hanya Stadium TPCA, katanya. Stadium tersebut boleh memuatkan penonton yang terhad, sekiranya terlambat sudah tentu tidak mendapat tempat duduk. Justeru beliau sanggup datang dari Seri Menanti semata-mata mahu menonton perlawanan bola sepak yang membabitkan pemain Ghani Minhat, sekali pun terpaksa berpanas di bawah terik cahaya matahari jam 12.00 tengah hari.

Minat Tan Sri A Samad dalam bidang bola sepak tidak terhad dengan memuji-muji kebolehan luar biasa Ghani Minhat yang mampu membuat sepakan dari sudut yang sukar atau tendangan laju dari jarak sejauh 30 ela ke pintu gol, tetapi menjadikan sukan tersebut sebagai duta penghubung mengeratkan pemerintahan dua negara yang terpisah oleh politik penjajah. Melalui sukan bola sepak juga Tan Sri A Samad menjalinkan hubungan rapat di antara kerajaan Negeri Sembilan

dengan pemerintah di Sumatera Barat pada pertengahan dekad 1960-an.

Dalam bukunya 'Payung Terkembang' Tan Sri A Samad menitipkan mengenai sukan bola sepak dijadikan landasan bagi menjalinkan hubungan di antara dua pemerintah ini seperti dijelaskan:

"...Kira-kira pada awal Oktober 1968 semasa saya masih bertugas di Negeri Sembilan, saya telah mengetuai satu rombongan Persatuan Bola Sepak Melayu Malaysia membuat kunjungan ke Medan sambil mengadakan perlawanan persahabatan. Ketika itu saya memegang jawatan Naib Presiden Persatuan, manakala Datuk Senu Abdul Rahman (sekarang Tan Sri, bekas Menteri Penerangan) menjadi Presidennya.

"Dalam perlawanan persahabatan yang diadakan di Medan itu, bermula satu detik yang kekal menjadi kenangan saya hingga sekarang. Sebelum perlawanan bermula di sebelah petangnya, saya mengambil tempat duduk bersama teman-teman di bangku atas. Dengan tidak semena-mena saya ternampak Wali Kota Padang, Bapak Akhirul Yahya berjalan masuk untuk ikut sama menyaksikan perlawanan bola sepak persahabatan yang diadakan itu.

"Kebetulan pula memang saya sudah mengenali beliau semasa berkunjung ke Padang dalam bulan Januari itu, lantas saya turun ke bangku bawah menegurnya. Saya duduk di sebelahnya sepanjang perlawanan bola sepak itu berlangsung. Beliau memberitahu saya mengenai satu 'team' kebudayaan yang telah ditubuhkan dan telah mengadakan pertunjukan di Jakarta bulan lalu dan mengatakan hasratnya untuk mengadakan pertunjukan di lain-lain tempat.

"Disebabkan minat yang besar tersemat di hati saya, maka saya mengesyurkan kepada beliau supaya rombongan kebudayaan tersebut dibawa ke Negeri Sembilan untuk membuat pertunjukan..."